

Staf UPM lawat Kosmo!

LAWATAN. Seramai 26 orang termasuk pegawai dan pelajar daripada Pusat Sukan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang mengunjungi ibu pejabat *Kosmo!* di sini semalam.

Pengarah Pusat Sukan universiti berkenaan, Dr. Hanafiah Ayub berkata, kunjungan itu bertujuan mencari kaedah terbaik untuk berkolaborasi bagi mempromosi program sukan pada masa akan datang.

"Kami sering kali keliru dengan platform untuk

mempromosikan atlet dan pegawai kepada media namun lawatan kali ini memberi ruang kerjasama yang boleh dijalinkan untuk tujuan itu," katanya ketika ditemui *Kosmo!* semalam.

Sementara itu, kunjungan tersebut disambut Penolong Pengarang 2 *Kosmo!*, Jamdi Nasir.

Selain mengadakan perbincangan, Hanafiah dan pegawai serta pelajar universiti berkenaan turut dibawa melawat dan meninjau operasi di Jabatan Pengarang *Kosmo!*.



JAMDI bersama Hanafiah (berdiri, enam dari kiri) serta pegawai dan pelajar UPM bergambar bersama selepas sesi lawatan di pejabat *Kosmo!* di Kuala Lumpur semalam.